

**Polis belum menerima laporan untuk mulakan siasatan terhadap Tun M - KPN  
Astro Awani  
Mac 30, 2016**

**KHALID: Siasatan hanya akan dibuat selepas laporan diterima dan itu merupakan prosedur operasi standard (SOP) yang dijalankan PDRM selama ini. - Gambar fail**

**SENAI:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) belum menerima apa-apa laporan mahupun memulakan siasatan ke atas bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menjelaskan, siasatan hanya akan dibuat selepas laporan diterima dan itu merupakan prosedur operasi standard (SOP) yang dijalankan PDRM selama ini.

"Saya tidak pasti sama ada kita ada menerima laporan terhadap apa jua tindakan yang dilakukan oleh Tun Mahathir, dan SOP polis biasa bila kita menerima laporan polis, kita perlu siasat sama ada ada kesalahan atau tidak.

"Jadi sama ada ada kesalahan atau tidak, itu kemudian baru kita akan pastikan iaitu selepas siasatan dibuat," kata Khalid.

Beliau berkata demikian dalam sidang media pada perasmian Persidangan Agung Pusat PPKP/CPW, PPKP/CI dan PPRPD kali ke-88 sesi 2015/2016 di Senai, Johor.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa setiap individu tidak terlepas daripada siasatan polis sekiranya terdapat laporan dibuat mengenainya.

Mana-mana individu tidak mempunyai imuniti untuk disiasat, termasuk Badan Peguam Negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamad pada Selasa berkata, [Dr Mahathir mungkin disiasat di bawah Akta Hasutan selepas mengeluarkan kata-kata berunsur hasutan](#) dengan tujuan menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai perdana menteri, ketika berucap dalam majlis di Ampang pada Isnin.

Tag: [polis](#), [PDRM](#), [siasatan](#), [laporan](#), [Dr Mahathir Mohamad](#), [Khalid Abu Bakar](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-belum-menerima-laporan-untuk-mulakan-siasatan-terhadap-tun-m-kpn-100439>